

Siswa sokong protes bebaskan 'ISA 45'
MalaysiaKini.com
30 Jun, 2012
Oleh Safwan Anang

Kami di peringkat Solidariti Mahasiswa Malaysia tegas dengan pendirian bahawa kerajaan perlu membebaskan tahanan ISA yang masih berbaki seramai 45 orang.

Kami melihat suatu percanggahan berlaku di peringkat kerajaan apabila masih ada tahanan ISA yang tidak dibebaskan walaupun pemansuhan ISA dilakukan oleh perdana menteri.

Kami membidas sikap kerajaan yang berdolak-dalik menggunakan isu ISA sebagai janji politik dalam masa tahanan masih dipenjarakan secara zalim.

Akta drakonian ISA yang membenarkan tahanan tanpa bicara ini meletakkan Malaysia dalam kedudukan negara yang mundur dari sudut moral pengamalan kedaulatan undang-undang.

Kerajaan Malaysia seharusnya malu dengan sikap acuh tak acuh mereka terhadap akta zalim ini.

Sekiranya benar mereka didapati bersalah, kami menggesa pihak kerajaan memberikan mereka peluang perbicaraan yang adil bersama bukti yang kukuh kesalahan mereka, bukannya tahanan senyap seperti ISA.

Kami di peringkat mahasiswa menyeru seluruh rakyat Malaysia khususnya mahasiswa dan anak muda untuk sama-sama menyokong Gerakan Mansuhkan ISA yang akan mengadakan protes malam ini di hadapan Bukit Aman.

Juga pada 1 Julai di hadapan Kem Tahanan Kamunting.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/202346>